

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## CIDB SIASAT 3 ASPEK UTAMA DI SUKE

**Kuala Lumpur, 22 SEPTEMBER 2020:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan menjurus siasatan kepada tiga aspek utama berhubung insiden di Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKER) yang berlaku pada Sabtu lepas.

Menurut Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, tiga aspek tersebut melibatkan kaedah pembinaan, kualiti bahan binaan dan kemahiran serta akreditasi pekerja mahir yang terlibat.

"Kertas siasatan telah dibuka mengikut Seksyen 34B dan 34C Akta 520 yang berkaitan Kewajipan Kontraktor dalam memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan dijalankan.

"Jika didapati bersalah, kontraktor boleh didenda tidak melebihi RM500,000. Pihak lain termasuk tuan punya projek (klien) serta syarikat perunding juga boleh turut di dakwa jika didapati bersalah," katanya.

Pada 19 September 2020, sebuah parapet telah terjatuh daripada struktur lebuhraya bertingkat yang sedang dalam pembinaan, dan menghempap sebuah kereta yang berada di bawah struktur tersebut, menyebabkan pemandu kenderaan mengalami kecederaan.

---

### ***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

<i>Abdul Rakis Santa (<a href="mailto:rakis@cidb.gov.my">rakis@cidb.gov.my</a>)</i>	<i>03-40477008 / 012-6200360</i>
<i>Noryani Ismail (<a href="mailto:noryani@cidb.gov.my">noryani@cidb.gov.my</a>)</i>	<i>03-40477027 / 019-2856867</i>